

**BENTUK PENDIDIKAN SECARA NONFORMAL DAN INFORMAL YANG
BERLAKU KE ATAS PERANAN KURATOR DAN KURATORIAL BSVN**

ERRY ARHAM BIN AZMI

**DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN SENI
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF

Nama : Erry Arham bin Azmi
 No. Matrik : M20092001202
 Tajuk Kajian : Bentuk Pendidikan Secara Nonformal dan Informal yang Berlaku
 Ke Atas Peranan Kurator dan Kuratorial BSVN

ABSTRAK

Penyelidikan ini bertujuan untuk meneliti serta menganalisis peranan kurator dan kuratorial di Balai Seni Visual Negara (BSVN). Berasaskan sudut pandangan pendidikan, penyelidikan ini juga bertujuan menjelaskan bentuk pendidikan secara nonformal dan informal yang berlaku ke atas peranan kurator dan kuratorial Balai Seni Visual Negara (BSVN). Bakat Muda Sezaman (BMS) tahun 2000, 2002, 2004, 2006 dan 2010 dijadikan kajian kes untuk memahami perkembangan peranan kurator dan kuratorial di BSVN. Penyelidikan ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif, dengan pengumpulan data dari temu bual, pemerhatian, sumber dokumen dan rakaman gambar. Penyelidikan ini menggunakan Model Interaktif yang diperkenalkan oleh Miles dan Huberman untuk kaedah analisis data kajian. Hasil analisa mendapati kurator di BSVN telah menjalankan kerja kuratorialnya mengikut bahagian dan arahan, tetapi peranan kurator adakalanya bertindan dan membebankan. Bentuk pendidikan yang berlaku pula lebih bersifat umum. Sementara peranan kurator dan kuratorial dalam BMS tidak banyak berlaku perubahan dalam corak kerjanya. Penyelidik telah mencadangkan beberapa cadangan bagi menambahbaik peranan kurator dan kuratorial di BSVN, kaedah pendidikan nonformal secara lebih khusus, dan peranan kurator dan kuratorial dalam BMS yang harus dijalankan.

FORM OF NON-FORMAL AND INFORMAL EDUCATION THAT OCCURS ON THE ROLE OF CURATOR AND CURATORIAL AT NATIONAL VISUAL ART GALLERY

ABSTRACT

The aims of this research is to examine and to analyze the role of the curator and curatorial at National Visual Arts Gallery. As in an educational viewpoint, this research also aim to clarify the form of non-formal and informal education that occurs on the role of curator and curatorial at National Visual Art Gallery. In this research, the researcher focus on Young Contemporary Talent in 2000, 2002, 2004, 2006 and 2010 as the case studies to understand the development of curators and curatorial role in National Visual Art Gallery. The data analysis techniques such as interviews, observations, documents and photo resources used to analyse the role of the curator and curatorial at National Visual Arts Gallery and to describe methods of non-formal and informal education that occurs on the role of curator and curatorial. Researcher refered to Miles and Huberman Interactive Model qualitative approach. In analyzing the facts, researcher found that National Visual Art Gallery curators run curatorial work according to the instructions, but the role of curator sometimes overlapping and burdensome. Occurring forms of education are more general in nature. While the role of curators and curatorial in Young Contemporary Talent is not much of a change in work patterns. Researchers have proposed a number of recommendations for enhancing the role of curators and curatorial at National Visual Art Gallery, non-formal education methods in particular, and the role of the curator and curatorial in Young Contemporary Talent that should be conducted.

KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI GAMBAR	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Pendidikan	3
1.2.1 Pendidikan Seni Visual	5
1.2.1 Pengurusan Seni – Peranan Kurator	6
1.2.3 Seni Kontemporari – Bakat Muda Sezaman	10
1.3 Penyataan Masalah Kajian	12
1.4 Tujuan Kajian	17
1.5 Objektif Kajian	18
1.6 Persoalan Kajian	18
1.7 Kepentingan Kajian	19
1.8 Skop dan Batasan Kajian	20

1.9 Kerangka Teoritikal 22

1.10 Definisi Operasional 27

1.10.1 Institusi 27

1.10.2 Kurator dan Kuratorial 28

1.10.3 Pendidikan Nonformal dan Informal 30

1.13 Rumusan 31

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 33

2.2. Budaya Organisasi Pentadbiran 34

2.3 Konsep Pendidikan 36

2.3.1 Pendidikan Nonformal 38

2.3.2 Pendidikan Informal 40

2.4 Konsep Kuratorial 42

2.4.1 Tanggungjawab Kurator 44

2.4.1.1 Penyelidikan 45

2.4.1.2 Pengurusan Koleksi 49

2.4.1.3 Pembangunan Pameran 59

2.4.1.4 Pendidikan 67

2.4.1.5 Dana, Promosi, Pemasaran & Perhubungan Awam 71

2.4.1.6 Administrasi 76

2.4.2 Peranan Kuratorial 81

2.5 Rumusan 83

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	82
3.2	Pendekatan Kajian	82
3.3	Reka Bentuk Kajian	87
3.4	Lokasi Kajian	88
3.5	Populasi dan Persampelan Kajian	88
3.6	Teknik Pengumpulan Data	89
3.7	Pengendalian Kajian	100
3.8	Kaedah Analisis Data	104
3.9	Rumusan	105

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0	Pendahuluan	106
4.1	Latar Belakang Kurator	107
4.2	Analisis Peranan Kuratorial	110
4.2.1	Penyelidikan	110
4.2.2	Pengurusan Koleksi	115
4.2.3	Pembangunan Pameran	130
4.2.4	Pendidikan	145
4.2.5	Dana, Promosi, Pemasaran & Perhubungan Awam	151
4.2.6	Administrasi	158
4.3	Bentuk Pendidikan	162
4.4	Analisis Bentuk Pendidikan Melalui Peranan Kuratorial BSVN	164
4.4.1	Penyelidikan	165
4.4.2	Pengurusan Koleksi	167
4.4.3	Pembangunan Pameran	170
4.4.4	Pendidikan	173

4.4.5	Dana, Promosi, Pemasaran & Perhubungan Awam	175
4.4.6	Administrasi	177
4.5	Analisis Peranan Kuratorial Dalam BMS	179
4.5.1	Penyelidikan	179
4.5.2	Pengurusan Koleksi	183
4.5.3	Pembangunan Pameran	185
4.5.4	Pendidikan	193
4.5.5	Dana, Promosi, Pemasaran & Perhubungan Awam	196
4.5.6	Administrasi	201
4.6	Rumusan	204
 BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		
5.1	Pengenalan	205
5.2	Ringkasan Kajian	206
5.3	Perbincangan Kajian Peranan Kurator dan Kuratorial BSVN	209
5.4	Perbincangan Bentuk Pendidikan di BSVN	227
5.5	Perbincangan Kajian Peranan Kurator dan Kuratorial BSVN dalam BMS	229
5.6	Cadangan	235
5.7	Cadangan Penyelidikan Akan Datang	245
5.8	Kesimpulan Akhir	246
 RUJUKAN		 248
LAMPIRAN A		255
Kelulusan Menjalankan Kajian Daripada Balai Seni Visual Negara		255
 LAMPIRAN B		 256
Keputusan Laporan Pembentangan Proposal		256

LAMPIRAN C	257
-------------------	------------

Contoh Transkrip Pemerhatian	257
------------------------------	-----

LAMPIRAN D	258
-------------------	------------

Contoh Transkrip Temu Bual Dengan Kurator Balai Seni Visual Negara	258
--	-----



SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1 Jawatan Dalam Perkhidmatan Awam	34
3.1 Matriks Pengumpulan Data 1	95
3.2 Matriks Pengumpulan Data 2	96
3.3 Matriks Pengumpulan Data 3	98
3.4 Pungutan Data Semasa Di Lapangan	101
4.1 Matriks Data Penyelidikan	111
4.2 Matriks Data Pengurusan Koleksi	116
4.3 Matriks Data Pembangunan Pameran	130
4.4 Matriks Data Pendidikan	145
4.5 Matriks Data Dana, Promosi, Pemasaran & Perhubungan Awam	151
4.6 Matriks Data Administrasi	158
4.7 Matriks Bentuk Pendidikan Melalui Kuratorial Penyelidikan	165
4.8 Matriks Bentuk Pendidikan Melalui Kuratorial Pengurusan Koleksi	167
4.9 Matriks Bentuk Pendidikan Melalui Kuratorial Pembangunan Pameran	171
4.10 Matriks Data Bentuk Pendidikan Melalui Kuratorial Pendidikan	174
4.11 Bentuk Pendidikan Melalui Kuratorial Dana, Promosi, Pemasaran & Perhubungan Awam	176
4.12 Bentuk Pendidikan Melalui Kuratorial Administrasi	177
4.13 Keberadaan peranan kuratorial penyelidikan dalam BMS	179
4.14 Keberadaan peranan kuratorial pengurusan koleksi dalam BMS	182
4.15 Peranan Kuratorial Pembangunan Pameran dalam BMS	185

4.16	Peranan Kuratorial Pendidikan dalam BMS	193
4.17	Peranan Kuratorial Dana, Promosi, Pemasaran & Perhubungan Awam dalam BMS	196
4.18	Peranan Kuratorial Dana, Promosi, Pemasaran & Perhubungan Awam dalam BMS	201



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Teoritikal Peranan Kurator dan Kuratorial BSVN Dalam konteks Pembangunan Ilmu Pengetahuan Seni	24
2.2 Piramid Organisasi Pentadbiran	35
2.3 Hubungkait di antara pendidikan dengan pelajar	37
2.4 Tanggungjawab Kurator	44
2.5 Peranan kurator dan kuratorial dalam Penyelidikan	46
2.6 Peranan Kurator dan Kuratorial dalam Pengurusan Koleksi	50
2.7 Peranan Kurator dan Kuratorial dalam Pembangunan Pameran	61
2.8 Peranan Kurator dan Kuratorial dalam Pendidikan	69
2.9 Peranan Kurator dan Kuratorial dalam Dana, Promosi, Pemasaran & Perhubungan Awam	72
2.10 Peranan Kurator dan Kuratorial dalam Administrasi	76
2.11 Kerangka Konsep Peranan Kurator dan Kuratorial	81
3.1 Kaedah Analisis Data Mengikut Model Interaktif Miles & Huberman, 1992	104
4.1 Pengajaran dan Pembelajaran Melalui Peranan Kuratorial BSVN	164
5.1 Kerangka Konsep Akhir Peranan Kurator dan Kuratorial Balai Seni Visual Negara Dalam Konteks Pembangunan Ilmu Pengetahuan Seni	208


SENARAI GAMBAR

No. Gambar	Muka Surat
4.1 Kurator dan Penolong Kurator BSVN sedang mengumpul material di rumah Artis	113
4.2 Kurator dan Penolong Kurator BSVN melawat studio Artis dan melakukan penyelidikan	113
4.3 Kemudahan ruang simpanan karya / bahan koleksi himpunan tetap BSVN	120
4.4 Pembantu Muzium KNK cawangan Konservasi BSVN sedang menyediakan laporan kondisi karya	121
4.5 Penolong Kurator, Pembantu Makmal serta Pembantu Muzium BSVN sedang melakukan kerja-kerja konservasi	123
4.6 PM cawangan koleksi menunjukkan senarai inventori karya kepada Artis	124
4.7 Larangan merokok, Monitor TV dan loceng amaran yang terdapat pada pintu hadapan arkib repositori koleksi BSVN	125
4.8 Kurator membawa pelawat untuk akses arkib dan makmal koleksi	127
4.9 Kurator BSVN melakukan syarahan kepada tetamu	129
4.10 Kurator BSVN sedang melakukan penyelidikan	134
4.11 Kurator dan artis bekerjasama dalam membentuka konsep rekabentuk ruang pameran	136
4.12 Layout pameran secara 2D yang biasa di uruskan oleh Kurator	137
4.13 Pameran di ruang lain yang dibawa oleh Kurator BSVN	138
4.14 PM dan PMK bahagian KNK menunjukkan cara <i>handling</i> karya	141
4.15 Kerja-kerja Instalasi karya sedang di lakukan oleh Kurator dan Pembantu Muzium BSVN	142
4.16 Kurator BSVN sedang menjalankan kerja editorial	143
4.17 Penerbitan BSVN yang harus melalui kerja editorial oleh Kurator BSVN	144
4.18 Kerja pendokumentasian video artis	144

4.19	Kerja pendokumentasian karya BSVN sedang dilakukan oleh Jurufoto BSVN	145
4.20	Kurator BSVN mengiringi pelawat ke ruang arkib koleksi dan galeri pameran	147
4.21	Aktiviti Bengkel Seni yang diurus, diwujudkan dan dilaksanakan oleh Kurator dan PK BSVN	148
4.22	Aktiviti bicara seni yang diurus, diwujudkan dan Di laksanakan oleh Kurator dan PK BSVN	149
4.23	Aktiviti pertandingan seni lukis kanak-kanak yang diurus, diwujudkan dan dilaksanakanoleh Kurator dan PK BSVN	149
4.24	Aktiviti kem seni sebagai salah satu program outreach yang dilaksanakanoleh Kurator dan PK BSVN	150
4.25	Aktiviti pameran dan pertandingan seni lukis kanak-kanak di luar BSVN yang diuruskan Kurator dan PK JNP	150
4.26	Senarai Syarikat Korporat yang pernah menaja program BSVN	153
4.27	Bahan-bahan promosi yang diurus, diselia dan dilaksanakan oleh Kurator, Pegawai Tadbir, PK dan PM BSVN	154
4.28	Pengurusan acara bersama media dan menjawab persoalan media	157
4.29	Kerja-kerja mengumpula material artis BMS 2010 sedang dilakukan oleh PK / urusetia	180
4.30	Mesyuarat kuratorial BMS 2010 bagi merancang dan membincangkan konsep BMS 2010	186
4.31	Mesyuarat Kuratorial BMS 2010 bagi pemilihan artis dan karya peringkat pertama	189
4.32	Pemilihan artis dan karya peringkat kedua oleh juri jemputan	189
4.33	Rekabentuk ruang pameran BMS 2010	190
4.34	Pemasangan karya BMS 2010 oleh artis dan PK BSVN	192
4.35	Penerbitan Katalog BMS	193
4.36	Kurator BMS mengiringi pelawat melihat	194

pameran BMS 2010

4.37	Bicara Seni BMS 2010	195
4.38	Kertas cadangan penyumbang / tajaan BMS 2010 yang dibuat oleh Bahagian Korporat BSVN	197
4.39	Bahan promosi BMS 2010	197
4.40	Acara Perasmian BMS 2000	198



SENARAI SINGKATAN

BMS	Bakat Muda Sezaman
BSVN	Balai Seni Visual Negara
CCTV	Camera Circuit Television
CV	Curriculum Vitae
JNP	Jaringan dan Pendidikan
HTWSVN	Himpunan Tetap Warisan Seni Visual Negara
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JUSA	Jawatan Utama Sektor Awam
KKP	Komunikasi Korporat
KP	Ketua Pengarah
KPKK	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
KNK	Koleksi dan Konservasi
MOU	Memorandum of Understanding
NFE	Nonformal Education
PK	Penolong Kurator
PM	Pembantu Muzium
PMK	Pembantu Makmal
PN	Penerbitan
PNKP	Penyelidikan dan Khidmat Pameran
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
SERUM	Seni Rupa Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Punca penubuhan Balai Seni Lukis Negara yang kini dikenali sebagai Balai Seni Visual Negara (BSVN) telah bermula sekitar tahun 1954. Idea penubuhan BSVN ini telah dimajukan oleh Majlis Kesenian Malaysia. Ketika Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj membuka Pameran Tahunan Terbuka Pelukis Malaya ke-3 pada Mac 1956, beliau telah memberi keizinan secara asasnya supaya Malaya harus mempunyai Balai Seni Lukis nya sendiri. Pada 27 Ogos 1958, empat hari sebelum ulang tahun kemerdekaan Malaya yang pertama, BSVN telah dirasmikan pembukaannya oleh Tuanku sendiri bersempena majlis pembukaan Pameran Peringkat Kebangsaan yang pertama (Syed Ahmad Jamal, 1983).

Ekoran daripada itu maka tertubuhnya ahli-ahli jawatankuasa kerja BSVN yang terdiri daripada orang perseorangan yang berjawatan serta seniman-seniman

Malaya. Kesemua mereka yang dilantik pada waktu itu diberikan tanggungjawab untuk menguruskan hal seni lukis Malaysia. Ordinan Balai Seni Lukis Negara 1959 telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Agong bagi tujuan menubuhkan Lembaga Amanah yang menguruskan BSVN (Syed Ahmad Jamal, 1983). Ahli Lembaga Amanah yang diberikan tanggungjawab ini telah silih berganti mengikut peredaran zaman.

Apabila wujudnya BSVN, maka lahirlah objektif di dalam melihat hala tuju seni lukis di Malaysia. Menurut Syed Ahmad Jamal (1983), bangunan sementara untuk karya-karya seni negara akan memberi nikmat dan ilham kepada masyarakat amnya dan pengajaran kepada pelajar. Seninya pula menyatakan dan membayangkan jiwa dan peribadi mereka yang mewakili negara. Maka itu, dasar awal BSVN pada mulanya adalah untuk mempersembahkan pameran seni yang berasal dari dalam dan luar negeri serta menubuhkan himpunan tetap karya-karya seni. Namun begitu, tahun demi tahun dasar tersebut mula diperkembangkan dalam memacukan visi BSVN. Visi BSVN ialah menjadi pusat terunggul pengembangan serta pengumpulan hasil seni visual tanah air dan pemegang amanah warisan seni negara. Misinya pula adalah untuk menjadikan BSVN sebagai pusat mengumpul, memulihara, memelihara, mempamerkan, mempromosi, memupuk kesedaran, kefahaman dan penghayatan yang tinggi terhadap seni kepada semua lapisan masyarakat.

Objektif BSVN kini adalah untuk memperoleh hasil karya sebagai Himpunan Tetap Warisan Seni Visual Negara (HTWSVN). Di samping itu, objektif BSVN ialah untuk memulihara, memelihara, mendokumentasikan dan menyelidik HTWSVN serta persejajaran seni negara. BSVN juga turut bertanggungjawab mempromosi dan

meningkatkan mutu seni visual negara dengan cara menganjurkan pameran, seminar, bengkel, pertandingan dan aktiviti seni dalam dan luar negara untuk mewujudkan kesedaran, memupuk kefahaman, penghayatan dan penghargaan terhadap seni. Ia merupakan usaha BSVN sebagai sebuah institusi rakyat yang menjulang nilai ilmu, memberi perkhidmatan, kebudayaan kebangsaan dan pendidikan.

1.1 Latar belakang Pendidikan

Pendidikan ialah perkembangan dan penyuburan fikiran. Ia merupakan kuasa semula jadi yang sistematik. Hal ini bermula ketika prasekolah, berterusan di sekolah dan berlangsung seumur hidup. Perkataan sistematik dalam konteks ini membawa andaian bahawa pelajaran telah dirancang dan meliputi pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Za'ba menyedari bahawa peranan pendidikan merupakan agen perubahan sosial yang sangat penting (Adnan, 2009). Pendidikan juga dapat meningkatkan taraf hidup seseorang dan membentuk kesedaran dalam lingkungan kehidupannya. Sementara Ibrahim Mamat (1993), menyatakan pendidikan ialah usaha sistematik yang di sengajakan dan dibuat oleh sesebuah masyarakat untuk menyampaikan pengetahuan, nilai, sikap, kemahiran kepada ahlinya. Ini merupakan usaha perkembangan potensi individu dan perubahan yang berlaku dalam diri manusia, di mana ia juga melibatkan proses tingkah laku dan sifat seseorang. Dari penjelasan berkaitan makna pendidikan ini, dapat disimpulkan bahawa pendidikan boleh berlaku secara formal dan tidak formal, berlaku untuk perkembangan diri, berlaku sepanjang hidup, boleh berlaku secara sistematik ataupun tidak dan boleh berlaku di mana sahaja.

Ada juga pandangan yang menyatakan terdapat tiga pendekatan pendidikan yang biasa digunakan iaitu pendidikan formal, informal dan non-formal. Pendidikan formal adalah pendidikan yang diterima dan diajarkan di institusi pendidikan seperti sekolah, IPTA, IPTS yang mengikut tahap kurikulum pendidikannya. Pendidikan informal pula ialah pengalaman pembelajaran yang pelbagai, menyentuh aspek penyediaan kanak-kanak bagi mewarisi budaya hidup masyarakat dan ibu bapanya. Sementara pendidikan secara non-formal merupakan pendidikan yang berlaku dalam tempoh tertentu kerana di katakan lebih sistematik berbanding pendidikan informal (Sufean, 2004).

Jelas di sini bahawa pendidikan bertujuan membangunkan sesebuah bangsa tidak kira apa jua pendekatan yang digunakan. Pembangunan bangsa memerlukan komitmen dari segenap pihak, secara intensif, integratif dan kesepaduan tenaga. Ia memerlukan keterlibatan berbagai pihak yang terkait, yang bermula dari institusi pemerintah, sekolah, masyarakat sampai ke keluarga. Di sini pendidikan itu dilihat penting dalam membangun diri, keluarga dan sebuah masyarakat. Dalam konteks penyelidikan ini pula, pendidikan seni visual dilihat sebagai salah satu bidang terpenting dalam melihat sebuah pembangunan bangsa, masyarakat dan negara sebagai pembangunan ilmu pengetahuan seni.

1.1.1 Pendidikan Seni Visual

Secara holistiknya dapat kita lihat bahawa pendidikan dalam bidang seni visual harus mempunyai kesinambungannya. Sekiranya ia bermula di peringkat tadika, sekolah rendah dan menengah, kolej dan universiti, maka kesinambungan ini juga harus diberi sokongan padu oleh institusi-institusi seni yang lain. Ia demi memanjangkan jangka hayat pembelajaran seumur hidup. Dalam konteks ini, BSVN sebagai institusi seni visual tertua di Malaysia harus berperanan menyusun atur pembangunan seni visual ke tahap yang maksima.

Namun seringkali pembangunan pendidikan seni visual itu dilihat melalui proses penciptaan karya atau aktiviti-aktiviti seni yang dibuat. Seringkali juga pendidikan seni visual itu dilihat hanya berlaku di institusi pendidikan formal seperti sekolah dan universiti. Manakala proses pengurusan karya atau aktiviti seni pula di anggap terasing daripada proses pembangunan pendidikan seni. Ahmad Suhaimi (2011: 149), menjelaskan sejarah perkembangan kesedaran visual Malaysia tidak boleh dipisahkan daripada muzium dan galeri. Melalui institusi ini, khalayak dapat belajar menghayati, menghargai dan menilai karya-karya seni yang baik. Di samping itu, institusi ini juga merupakan 'sekolah' yang mendidik masyarakat mengenai konteks sosiobudaya. Jailani (2011) juga menjelaskan perkara yang sama bahawa pada dasarnya muzium ialah tempat barang penting dipamerkan untuk tontonan dan pelajaran. Begitu juga dengan Anderson (1997) yang menyatakan,

"Museum are engaged in what William Morris called 'the education of desire'-the stimulation of a wish to enhance the quality of our lives. They allow us to learn through our sense, especially sight, hearing, touch, in ways that give us pleasure. They develop our feelings as well as our

powers of perception, analysis, ethical awareness, imagination and creativity” (m.s.47)

Manakala Mark (2001), beranggapan bahawa seni visual adalah pekerjaan yang berkait rapat dengan galeri, muzium, koleksi peribadi, pelajar seni, aktiviti seni, koleksi peribadi korporat, program seni di Universiti, pengkritik seni, syarikat reka bentuk serta menjadi institusi kebudayaan dan sosial yang lain.

Manusia, persekitaran dan muzium mempunyai hubungan yang akan membawa kepada pengertian di dalam melestarikan kemampuan lingkungan hidup. Ia akan memberi manfaat kepada pembangunan dan kesejahteraan rakyat baik masa dahulu, kini dan akan datang. Jelas di sini bahawa pendidikan seni visual itu berlaku dalam banyak ruang dan salah satunya adalah dalam ruang pameran terutama di muzium mahupun galeri. Namun di sebalik penerimaan pendidikan seni visual, kita terlepas pandang bahawa ada satu tanggungjawab besar yang dilaksanakan oleh sekumpulan tenaga profesional. Ia bagi menghubungkan jambatan antara pameran dengan khalayak demi memberi kesinambungan pendidikan melalui aspek pengurusan seni.

1.1.2 Pengurusan Seni – Peranan Kurator

Nasir (2013) menegaskan kepentingan untuk memahami bagaimana sesebuah organisasi diuruskan. Beliau menekankan kepentingan kefahaman terhadap tugas-tugas yang mesti dilakukan oleh para pengurus supaya organisasi mereka dapat bergerak dengan cekap dan efisien. Selain itu ia juga bertujuan mempelajari

bagaimana para pengurus melaksanakan tugas-tugas tersebut. Para pengurus harus mengetahui dan menggunakan kemahiran serta pengetahuan mereka bagi memenuhi matlamat organisasi dan juga matlamat individu.

Melalui penerangan pengurusan seni yang diberikan oleh Nasir itu, ia sangat berguna untuk membangun dan membentuk semula sistem pengendalian pengurusan organisasi. Ia juga sebagai alat untuk menciptakan komitmen agar para pengurus dapat melaksanakan perencanaan strategi mereka.

Oleh itu, makna pendidikan seni boleh terjadi dengan lebih meluas tanpa hanya bergantung kepada pendidikan formal semata-mata. Perilaku menguruskan seni dalam sesebuah organisasi juga merupakan salah satu teknik pengajaran dan pembelajaran untuk pembangunan ilmu pengetahuan seni secara sistematik dan holistik. Sekiranya di sekolah mahupun di universiti kita memahami peranan guru, pensyarah, doktor mahupun profesor-profesor sebagai manusia yang mendidik. Tidak salah juga kita memahami peranan pengurus lain seperti pengurus, pemuzik, penulis, penari dan sebagainya yang merupakan pendidik dalam konteks budaya seni. Dalam konteks seni visual, mengenali dan memahami susur galur pengurusan seni visual adalah sebahagian daripada kesinambungan pendidikan sepanjang kehidupan. Setiap pameran yang berlaku di ruang muzium ataupun galeri merupakan tanggung jawab seorang kurator bagi mengendalikan pameran tersebut. Kurator berperanan dalam menjalankan kerja-kerja kuratorial mereka bagi membolehkan sesebuah pameran itu terlaksana.

Kurator, menurut George Ellis Burcaw (1997) dalam bukunya *Introduction to Museum Work*, bermaksud orang yang bertanggungjawab terhadap koleksi, memilih karya atau pelukis, membangun pameran serta menulis mengenai karya seni. Menurut Rizki (2005) pula, kurator adalah sebarang kata kerja, iaitu 'curate' yang bermaksud memilih, mengorganisasi dan memelihara berbagai barangan (koleksi peribadi atau muzium). Sementara bentuk kata benda, iaitu 'curator' bermaksud pemelihara atau bertanggungjawab terhadap sesebuah muzium atau koleksi. Kerjaya sebagai seorang kurator di Muzium dikatakan bermula di Eropah semenjak zaman Renaissance atau pada abad ke-16 dan kemudian di Amerika sehinggalah ke masa kini. Karen (2010), menjelaskan kerja kurator dari segi sejarahnya mempunyai tanggungjawab untuk,

“searching and developing collections within institution, and exhibitions have been drawn from the context”.(m.s.5)

Lee (2010) pula menjelaskan peranan ataupun kerja-kerja kurator mengikut perkembangan sejarah:

“‘Caring’ has long been a de facto premise in defining the role of curator. With its Latin origin cura (care), ‘curator’ referred, during Ancient Rome, to an official in charge of public duties like sanitation and transportation. In the Middle Ages, a curator meant clergy with spiritual ‘cure’ or ‘charge’, especially of a child or lunatic. Later from the 1660s, the word meant the caretaker of an institution’s collection of heritage value, before its meaning and roles expanded, beginning with the west in 1960s, through the birth of independent curator like Harald Szeemann and Walter Hopps. Today a curator is expected, or may choose, to take on multiple tasks like conception, artistic direction, administration, project management, programming, publicity, dealership and writing”.(m.s.6)

Himawan (2011), menyatakan kurator dalam sejarahnya berkait rapat dengan keberadaan muzium. Kurator banyak berfokus kepada persembahan, katalog, analisis, pameran kepada masyarakat, memelihara objek dan dokumentasi. Seorang kurator

bertanggung jawab terhadap kerja pengurusan (*administration*). Dalam pengertian praktik, kurator adalah seseorang yang melakukan kerja-kerja '*Curation*' (Kurasi).

Sementara '*Curatorial*' dalam kata sifat bererti berkait rapat dengan makna kurator atau membawa maksud kerja-kerja Kurator. Ia digelar sebagai '*curatorial duties*' ataupun kerja kuratorial.

Daripada penjelasan yang diberikan terhadap peranan kurator, ia mempunyai pemahaman yang berbeza-beza mengikut kepada perkembangan zaman. Terlalu banyak tugas ataupun peranan kurator. Kurator merupakan individu yang menggerakkan aktiviti dalam sesebuah galeri mahupun muzium melalui pelaksanaan kuratorialnya. Seperti muzium dan galeri lain, BSVN juga mempunyai kakitangan yang bergelar kurator yang mempunyai peranan kuratorialnya mengikut keperluan bahagian. Terdapat bahagian Penyelidikan dan Khidmat Pameran (PNKP), bahagian Koleksi dan Konservasi (KNK), bahagian Jaringan dan Pendidikan (JNP), bahagian Komunikasi Korporat (KKP) dan bahagian Penerbitan (PN).

Sesebuah pameran juga bergantung kepada pengurusan pameran yang baik agar boleh memberi kesan yang lebih mendalam kepada khalayak. Najib (2006) menyatakan tugas untuk merancang sesuatu pameran terletak pada bahu seorang pegawai Kurator. Pameran-pameran yang diuruskan oleh seseorang kurator menjadi perkara penting untuk melihat perkembangan dan penambahbaikkkan terhadap pelaksanaan kerja kuratorial mereka. Di sini tugas kurator di anggap sebagai sebuah kerja pengurusan seni yang mampu memberi pendidikan secara non-formal dan informal.